


ULASAN BUKU



NAPISAH KARIMAH ISMAIL, WAN KAMAL MUJANI
Kesan Pendudukan Perancis Terhadap Mesir
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021.
ISBN 9789834931391

ULASAN

Buku ini mengandungi lapan bab yang secara khususnya membincangkan perihal penguasaan Mesir oleh banyak kuasa yang telah menjadikan negara tersebut sebagai sebuah negara yang kaya dengan sejarah dan kisah yang menarik untuk diteroka. Mesir atau kini Republik Arab Mesir (Jumhuriyah Misr al-Ärabiyyah) merupakan sebuah negara yang sejak dahulu lagi memang terkenal dengan sejarah tamadun umat manusia yang berlaku pada zaman kuno, iaitu zaman pemerintahan Firaun, Greek dan Rom. Kemudian diikuti zaman Islam yang diterajui oleh beberapa kerajaan bermula dengan Khulafa’al-Rashidi, ditelusuri pula dengan zaman Kerajaan Umayyah, Abbasiyah, Tulun, Ikhsyid, Fatimiyah, Ayyubiyah, Mamluk dan Uthmaniyyah sehingga Mesir dijajah oleh bangsa Eropah, iaitu Perancis dan British.

Perancis ialah kuasa Eropah terawal yang menduduki Mesir selepas berlaku kelemahan dalam pemerintahan Daulah Uthmaniyyah di Mesir pada penghujung abad ke-18M. Pendudukan Perancis hanya berlangsung dalam tempoh lebih kurang tiga tahun sahaja, iaitu dari tahun 1798M/1213H dan berakhir pada tahun 1801M/1215H. Napoleon Bonaparte, seorang Jeneral Perancis merupakan individu yang bertanggungjawab mengetuai ekspedisi menakluki Mesir. Walaupun pendudukan Mesir hanya berlangsung selama lebih

kurang tiga tahun sahaja, namun perubahan yang dilakukan oleh penakluk ini telah meninggalkan kesan yang besar kepada Mesir sehingga dikatakan kemasukan Perancis ke Mesir menandakan permulaan zaman moden di Mesir.

Kenyataan ini amat menarik untuk dikaji bagi mengenal pasti pembaharuan dan kemajuan yang dibawa oleh Perancis dan tujuan negara tersebut berbuat demikian. Isu menarik lain yang diketengahkan dalam buku ini ialah faktor negara Mesir menjadi pilihan mereka untuk ditakluki dan impak penaklukan tersebut terhadap rakyat dan negara tersebut dari aspek politik dan sosiobudaya. Selain itu, penulisan ini juga mengupas kedudukan politik, ekonomi dan sosial Mesir di ambang kedatangan Perancis bagi menilai sejauh mana pencapaian yang terhasil daripada perubahan yang dilakukan oleh kuasa tersebut di Mesir.

Kedatangan Perancis juga menyaksikan pertembungan kuasa politik dunia yang terbesar pada abad tersebut, iaitu pertembungan antara Perancis, Uthmaniyyah dan British. Pertembungan ini bukan sekadar pertembungan politik, malahan juga dianggap sebagai pertembungan budaya dan peradaban. Perancis dianggap kuasa Barat pertama yang menduduki wilayah umat Islam yang berkurun lamanya berada di bawah lembayung pemerintahan kerajaan Islam yang silih berganti. Kedatangan Perancis membuka mata umat Islam yang masih leka dengan warisan khazanah mereka dan menyedarkan mereka daripada tidur yang panjang. Kuasa Barat pada akhir abad ke-18 telah mulai bangun dan terus menerus cuba menguasai wilayah yang berada di bawah permerintahan Islam apabila kerajaan Uthmaniyyah mulai lemah.

Perkembangan Mesir sentiasa menarik perhatian dunia kerana kedudukan logistiknya dan khazanah yang terdapat di buminya. Sejarah panjang Mesir yang bermula dari zaman purba sehingga zaman kini menjadi tatapan generasi ke generasi. Tarikannya bukan sahaja dari aspek ekonomi, malah keadaan sosiobudayanya juga kaya dengan pelbagai khazanah yang tidak habis dikaji dan diselongkar. Sungguhpun Mesir ditadbir oleh warganya sendiri setelah merdeka daripada tangan British, namun tidak pernah terlepas daripada campur

tangan kuasa Barat kerana kepentingan politik dan ekonomi mereka. Maka, tidak hairanlah bumi Mesir kadangkala bergolak sehingga memberi impak kepada dunia kerana jalan perdagangan yang menghubungkan Barat dan Timur, iaitu Terusan Suez terletak di negara tersebut. Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa Mesir antara negara penting yang menentukan situasi ekonomi dunia sama ada pada abad lampau mahupun pada masa kini.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur terutamanya kepada mereka yang sangat minat tentang sejarah. Penerangan yang menarik berserta data-data yang terperinci yang cuba ditonjolkan oleh penulis mampu menarik minat pembaca selain memberikan penjelasan yang mudah difahami oleh masyarakat awam.

Pengulas


Khairul Asma binti Ghani

Penolong Pustakawan

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (BKNP)

Perpustakaan Negara Malaysia

BOOK REVIEW



NANCY CHEN
101 Amazing Uses for Cinnamon
America: Familius LLC, 2021.
ISBN **9781641702911**

REVIEW

This book is divided into four chapters, each of which will introduce readers to a home remedy and authentic recipe that will make them fall in love with cinnamon. The book opens with some information on cinnamon, including the historical roots of the spice, the differences between cassia and Ceylon cinnamon, the best ways to buy and store it, and its different forms. Then, in 101 easy-to-read chapters, discover how cinnamon may be used as an ant repellent, a plant healer, a parasite preventer, a pain reliever, a weight loss aid, a mood enhancer, and a memory booster, among other things. This vast subject is addressed in a concise but interesting manner.

The author mentioned in the second chapter of the book that cinnamon is high in plant chemicals known as polyphenols, such as cinnamon acid, cinnamaldehyde, and different flavonoids, which will teach beauty enthusiasts how to stay beautiful using natural sources. These have anti-inflammatory and antioxidant qualities that aid in the battle against cellular damage caused by free radicals. Recipes like cinnamon coffee syrup, cinnamon butter, Mexican superfood hot chocolate, apple cinnamon mulled wine, candied bacon, and handmade apple pie are included in the text, making it a handy reference tool as well as a concentrated recipe book. Chen also provides recipes for homemade

facial masks, cinnamon-sugar lip scrub, homemade cinnamon foundation powder, and cinnamon whitening toothpaste to demonstrate the flexibility of this seemingly wonder spice.

In the third chapter of Nancy Chen's cinnamon compendium, she reflects on the using social interest in natural cures and therapies for a variety of diseases and maladies. It conveys information in an appealing manner, constantly focusing on research. The audience will believe that cinnamon is the true flavor of life. Millions of people are returning to the subtle but strong benefits of traditional therapies, rather than the severe impacts of modern solutions one of nature's oldest cures. The author structured the book into tabbed sections with 101 easy-to-read, bite-sized advantages for everything from health to beauty to cleaning. With these simple, natural treatments, you can promote healthy skin, reduce stress, enhance your metabolism, tenderize meat, and more.

The writer concentrated on the origins of allergies in the fourth chapter, and inflammation plays a big role in many allergies. Cinnamon may be used to treat inflammation, and its anti-inflammatory characteristics can help reduce the influx of histamine that causes many allergic reactions. Cinnamon can help people with asthma because it has the same characteristics that aid to lessen symptoms and attacks. Cinnamon sticks in hot tea are especially beneficial. Cinnamon can be included in dishes to help people reduce their sugar intake then instead of too much sugar. This not only reduces the amount of sugar consumed, but it also lowers the glycemic load of foods and beverages. Cinnamon has no calories and might be a tasty method to curb appetite. Sugar reduction can help with energy, weight loss, and other things.

The author also tells the audience that mixing cinnamon oil with a carrier oil like coconut oil can help enhance the skin's appearance by allowing the antibacterial and antimicrobial capabilities to work. Rashes, irritations, infections, and allergic responses can all be reduced by applying this oil topically. Inflammation, discomfort, redness, and swelling are all reduced by using the oil. To treat acne and rosacea, combine honey and cinnamon in a face mask.

Cinnamon or other essential oil should never be used straight to the skin without first being diluted. Cinnamon has antibacterial characteristics, making it an ideal substance for acne, pimples, and blackheads treatment. This spice's topical ointments are believed to clear pores and provide oxygen to the skin's surface, allowing acne and blemishes to heal quickly. Make a paste with 1 tablespoon cinnamon powder and 3 tablespoons honey, and apply it on pimples. Allow it to sit for 20 minutes before rinsing it off with warm water. However, you should only use this treatment once or twice a week, as it is highly strong and can irritate your skin.

The book is passionate and knowledgeable about cinnamon's medicinal purposes, stating that while cinnamon can help manage blood sugar levels, it should not be used as a replacement for medication, but rather as a supplement to other healthcare measures. The work's sources are listed at the end. While I would strongly advise other readers to read this book. I would recommend it to readers who are interested in improving their appearance and health by using natural remedies. Mostly because it will appeal to them more. The phrases are simple to grasp and the book is easy to read. The instructions and recipe provided by the author are simple to follow. Hopefully, the readers will enjoy it too as much as I do.


Reviewer

Kusnida Adnin binti Mat Kassim

Penolong Pengarah

Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



JAMIAH MANAP, SUZAINA MOHD HOESNI,
HILWA ABDULLAH @ MOHD NOR
Pengurusan Stres
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2019.
ISBN 9789674129187

ULASAN

Secara umumnya, buku ini mengandungi lima belas bab yang membincangkan perihal mengenai pengurusan stres. Dalam buku ini, para penyunting mempunyai idea penulisan yang berbeza yang memberi penjelasan yang terperinci baik dari segi punca, contoh persekitaran, dan cara penyelesaian untuk mengatasi masalah stress yang dialami. Setiap bab memberi penekanan dan penjelasan yang berbeza mengenai pengurusan stres. Secara amnya, buku ini juga mempunyai enam fokus dalam menghujah mengenai pengurusan stres.

Dalam bab satu hingga dua, penulis memberi pendedahan awal kepada para pembaca untuk memahami apa itu stres. Para penulis menjelaskan konsep-konsep asas stres agar pembaca mempunyai gambaran mengenai stres yang dihadapi. Sebagai manusia biasa, keadaan kehidupan setiap orang adalah berbeza. Manusia akan sentiasa menghadapi masalah dalam kehidupan dan jika tidak diselesaikan dengan teratur, ia akan turut mempengaruhi emosi, pemikiran, tingkah laku dan sebagainya. Oleh itu, dalam bab satu hingga dua, para penulis memberi gambaran yang jelas untuk memudahkan para pembaca memahami konsep-konsep asas stres dalam kehidupan.

“Hidup Bahagia Tanpa Tekanan” ialah bab yang kedua yang menjelaskan fokus kedua yang diutarakan dalam penulisan buku ini. Penulis mengaitkan bab ini dengan unsur-unsur spiritual manusia serta aspek penyucian jiwa. Seperti yang dinyatakan dalam bab ini, manusia diciptakan dengan dua aspek yang saling memerlukan iaitu spiritual dan jasmani. Kedua aspek ini saling melengkapi antara satu dengan yang lain untuk membina hidup yang bahagia tanpa tekanan. Tekanan yang dialami dalam kehidupan biasanya berpunca dari sifat negatif yang lahir dari dalam diri seseorang yang akhirnya mempengaruhi fikiran, emosi dan tindakan. Oleh itu, setiap orang perlu mempraktikkan untuk seimbangkan aspek spiritual dan jasmani dalam kehidupan.

Seterusnya, fokus yang ditekankan dalam bab keempat ini ialah aspek pengukuhan cinta dalam perkahwinan bagi mengatasi pengurusan stres. Setiap pasangan yang berkahwin semestinya menginginkan sebuah perkahwinan yang bahagia. Alam perkahwinan adalah salah satu titik permulaan kehidupan yang baharu bagi setiap pasangan dimana situasi sebelum berkahwin dan selepas kahwin adalah berbeza. Bagi mengelakkan masalah berturut-turut berlaku dalam alam perkahwinan, setiap pasangan perlu tahu untuk mengatasinya. Dalam bab ini, penulis menjelaskan beberapa tips untuk meningkatkan cinta dalam perkahwinan. Dengan adanya, tips yang dinyatakan dalam bab ini, para pembaca boleh menggunakan tips yang dinyatakan untuk mengurangkan tekanan yang dialami dalam alam perkahwinan.

Selain itu, bab lima hingga tujuh lebih memfokuskan pengurusan stres keibubapaan. Dalam sesebuah keluarga, ibu bapa adalah tunggak keluarga dan memikul tanggungjawab yang amat besar untuk memimpin serta mendidik anak-anak. Penulis menjelaskan beberapa punca stres keibubapaan dalam bab ini dan para pembaca boleh memahaminya dengan mudah. Penulis juga menghuraikan beberapa kaedah pengurusan stres yang praktikal dan perlu diikuti oleh ibu bapa dalam mendidik, mengasuh dan menyerlahkan potensi anak baik yang normal maupun anak kurang upaya (OKU).

Dalam lapan hingga sembilan, ianya lebih tertumpu pada aspek stres kerjaya iaitu dalam konteks ergonomik. Para penulis menghuraikan perkaitan antara stres pekerjaan dan ergonomik. Sebagai manusia biasa, tekanan di tempat kerja adalah satu perkara yang normal. Ianya sering berlaku dalam organisasi apabila pekerja berhadapan dengan situasi yang tidak dapat dikawal. Dalam bab ini, penulis juga menjelaskan beberapa faktor stres pekerjaan dan menghuraikan konsep ergonomik di tempat kerja. Selain mengalami stres di tempat kerja, golongan mahasiswa juga turut terkesan terutamanya mahasiswa di peringkat pengajian tinggi. Dalam bab ini, penulis menyatakan beberapa cara mengatasi stres dalam kalangan mahasiswa.

Bab sepuluh hingga lima belas secara umumnya lebih memfokuskan pada alat ukuran psikologi yang dapat digunakan untuk mengukur stres dan bagi tujuan pencegahan dan rawatan. Berdasarkan alat ukuran psikologi tersebut, hasil yang diperoleh dapat membantu dalam menentukan cara pencegahan dan rawatan. Selain itu, dalam bab lain penulis juga menjelaskan beberapa situasi yang mengundang stres dalam kalangan masyarakat yang akhirnya mempengaruhi pelbagai aspek. Namun, pembaca juga turut dapat tips cara mengatasi stres dalam apa jua situasi yang dihadapi.

Sebagai pengulas, saya mengesyorkan buku ini kepada semua golongan pembaca dari pelbagai peringkat umur. Zaman moden ini, stres bukan sahaja melibatkan golongan dewasa, namun golongan kanak-kanak juga turut terkesan secara tidak langsung. Oleh itu, strategi pengurusan stres yang praktikal amat diperlukan bagi membendung segala permasalahan yang terjadi.

Pengulas

Lahung Henri Anyi
Penolong Pustakawan
Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



DR. ROZANIZAM ZAKARIA
Psikologi Si Kecil : 50 Pesan Psikologi untuk Ibu Bapa
Kuala Lumpur: WhiteCoat Group Sdn. Bhd., 2020.
ISBN 9789671852347

ULASAN

Buku Psikologi Si Kecil ini ditulis oleh Dr Rozanizam Zakaria iaitu seorang pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja. Buku yang mempunyai 288 muka surat ini mengandungi 50 pesan psikologi anak-anak kecil dan remaja untuk ibu bapa. Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, penulis menerangkan definisi psikologi iaitu kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan atau pola pemikiran dan perlakuan seseorang atau sesuatu kumpulan tertentu. Penulis turut mengupas perkaitannya dengan mental iaitu sesuatu yang melibatkan akal, pemikiran dan proses intelektual, yang kita tidak dapat lihat secara zahir keadaan kesihatannya dengan memberi analogi sama ada ia cedera, calar atau luka. Semestinya ia tidak seperti keadaan fizikal yang kita dapat lihat luka, berdarah, lebam, calar dan bengkaknya, yang kita tahu hujung pangkal daripada mana puncanya. Mungkin kerana terjatuh, terhantuk dan sebagainya. Lantas dengan kadar segera kita dapat merawat untuk menghilangkan kesakitannya.

Penulis menegaskan ianya tidak seperti kelukaan pada mental, kita hanya akan dapat lihat apabila kesannya telah muncul dengan tidak semena-mena, bukan sebab terjatuh atau terhantuk. Kesannya mengaitkan peristiwa demi peristiwa yang mungkin sudah berlalu berbulan bahkan bertahun. Seperti mana

kelukaannya mengambil masa untuk memperlihatkan kesan, seperti itu jugalah untuk merawat bagi menghilangkan ‘kesakitannya’. Penulis menyatakan seramai 424,000 kanak-kanak mengalami masalah kesihatan mental di Malaysia berdasarkan National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019.

Antara perkara yang mempengaruhi kesihatan mental seseorang ialah corak asuhan atau didikan. Sehubungan itu, sebagai ibu bapa amat mustahak untuk kita cakna berkenaan ilmu psikologi dalam membesarakan anak. Buku ini memberi penjelasan perihal kaedah kita dapat membantu perkembangan setiap bahagian otak anak. Ya, setiap bahagian otak ada cara ransangannya. Sebagai contoh, membaca, bercerita, bernyanyi bersama, memeluk, bermain dengan pelbagai suasana dapat membantu perkembangan bahagian otak sisi atas anak. Dengan membiarkan anak bergerak, meneroka, berguling, melompat, meniarap dan merangkak membantu perkembangan bahagian otak belakang anak. Juga bagaimana permainan seringkas cak-cak (peekaboo) membuat sel-sel otak anak berhubung diterangkan. Menarik? Pernah tahu sebelum ini?

Seterusnya, melalui buku ini penulis, Dr Rozanizam menitipkan pesan perihal kepentingan peranan seorang bapa kepada anak dengan membuatkan anak berasa bapa sentiasa ada untuknya. Sudah tentu dengan tidak hanya membelikan susu, permainan, baju dan sebagainya. Keperluan untuk seorang bapa benar-benar hadir dalam kehidupan anaknya tidak boleh diganti dengan kebendaan apatah lagi wang ringgit. Bapa yang baik bukanlah bapa yang memberi kemewahan kepada anak dengan lambakan mainan tapi bapa yang baik adalah bapa yang dapat meluangkan masa bersama anak meskipun tiada alat permainan.

Buku ini juga menekankan ibu bapa untuk membiasakan masa berkualiti bersama setiap anak sejak anak kecil sehingga remaja pada masa yang berbeza. Maksudnya, seorang anak satu masa. Jika empat anak, ibu dan bapa perlu peruntukkan empat masa berbeza. Sukar? Perhati dan hayati petikan ini:

“Bila anda biasakan anak-anak dengan ‘moment’ ini sejak dari kecil, anda tidak akan berasa janggal apabila perlu ‘slow-talk’ dengan anak bila mereka remaja

untuk bercerita soal emosi, perasaan, cinta, perkembangan personaliti, masalah peribadi yang akan makin kompleks bila mereka remaja. Ini kerana mereka ada ‘daddy-son, mommy-daughter, daddy-daughter, mommy-son moment’ mereka sendiri untuk mereka gunakan.”

Dalam kata lain apabila kita bersedia memberikan bahu untuk mereka bersandar, seharusnya mereka tidak mencari bahu lain untuk bersandar ketika berdepan masalah dewasa kelak. Apatah lagi kalau bahu itu bahu yang haram untuk mereka sentuh. Sebagai ibu bapa kita seharusnya khuatir serta bimbang akan perkara ini lantas mengambil langkah awal dengan menjadi teman karib terbaik buat anak sejak mereka kecil lagi.

Buku yang sarat dengan pelbagai tips ini turut mengandungi pesan tentang kesalahan dalam mendisiplinkan anak, menangani anak suka berbohong, bergaduh, mengatasi cabaran emosi hari pertama persekolahan, bantu anak lebih fokus dan pelbagai isu lain yang telah dikupas oleh penulis. Ibu bapa di era globalisasi tanpa sempadan kini seharusnya bersyukur kerana ilmu keibubapaan kini boleh diperoleh dengan mudah sama ada kita membuat sedikit usaha dengan pembacaan atau menghadiri seminar keibubapaan. Saya amat menyarankan pembacaan buku ini agar kita dapat mengubah corak asuhan dan didikan kita kepada anak bukan berdasarkan percubaan atau kitaran cara kita dididik tetapi berdasarkan ilmu pengetahuan dan perkongsian daripada mereka yang berkepakaran.

Pengulas

Mohd Faris bin Mohd Ashari
Penolong Pustakawan
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



JM ROSMAIZATI HAMZAH, JM NORHASIDAH ABD RAZAK, SN ROSNALIZAWATI HAMZAH, DR. NUR AKMAL ISMAIL

Buku Pink : Cerita-Cerita Ibu Mengandung

Kuala Terengganu: Penerbitan Kata-Pilar, 2018.

ISBN 9789672014300

ULASAN

Buku ini mengandungi tujuh bahagian utama dan juga beberapa bahagian tambahan yang secara khususnya menceritakan perihal kesihatan dan keadaan yang lazim dialami bagi semua ibu hamil dan kelahiran di Malaysia. Dalam menceritakan dan menghuraikan permasalahan yang berkaitan dengan ibu mengadung ini, para penulis telah tampil berkongsi glosari berkenaan terma perkataan yang biasa digunakan dalam rawatan ibu hamil dan kelahiran dan juga penerangan tentang mitos-mitos yang selalu dikaitkan.

Dalam bahagian permulaan, penulis menceritakan mengenai gelagat para jururawat dalam melayan karenah ibu hamil yang ramai tidak tahu. Diselitkan juga mitos buku pink yang tidak benar berkenaan wanita hamil tidak boleh bersenam. Senaman adalah baik untuk kesihatan termasuk wanita yang sedang hamil. Ia dapat memperbaiki sirkulasi darah dan menguatkan otot. Senaman ringan sangat digalakkan dan perlu elakkan *contact sport* atau sukan yang lasak bagi mengelakkan trauma pada perut dan kandungan. Di bahagian ini juga diselitkan bahagian tambahan iaitu Klinik Dr Suhaidin yang menceritakan isu kehamilan di usia lanjut. Kualiti ovum dan sperma akan menurun apabila usia pasangan meningkat.

“Color coding” telah diceritakan dalam bahagian tambahan seterusnya yang perlu di fahami oleh semua wanita hamil. Setiap wanita yang hamil dan didaftarkan akan dinilai oleh doktor atau pakar dan akan diberi “kod warna”. Penilaian dibuat berdasarkan keadaan kesihatan lepas, dan keadaan semasa. Kod warna ini menentukan tempat rawatan dan tempat kelahiran disarankan berlaku. Setiap kehamilan adalah berbeza dan mempunyai risiko yang berbeza yang boleh dikenal pasti dan difahami oleh kakitangan terlatih dan para doktor.

Isu semasa mengenai *doula* dan kelahiran di rumah turut dikupas pada bahagian seterusnya. Para wanita hamil digalakkan untuk bersalin di hospital yang berdekatan untuk mengurangkan segala risiko yang mungkin. Kepentingan asid folik pada kehamilan turut dijelaskan secara terperinci di mana kecacatan tiub neural boleh dikurangkan sebanyak 70 peratus jika ibu mengambil asid folik. Tiub neural adalah tisu di mana otak dan saraf tunjang terbentuk bersama janin. Asid folik bukan meningkatkan kesuburan dan ianya perlu dimakan untuk mengelakkan kecacatan tiub neural pada bayi.

Penulis mengajak para pembaca memahami akan kepentingan ujian *ultrasound*. Perkembangan teknologi dalam bidang perubatan membolehkan pemeriksaan *ultrasound* dijalankan secara rutin untuk semua ibu mengandung. Ia bertujuan untuk memeriksa perkembangan tumbesaran janin dan juga mengesan sebarang masalah yang boleh berlaku semasa kehamilan. Pada hari ini, hampir kesemua klinik-klinik kesihatan di seluruh Malaysia dilengkapi dengan mesin *ultrasound* untuk kegunaan pemeriksaan ibu mengandung. Ibu-ibu hamil serta pasangan masing-masing biasanya akan sangat teruja untuk melakukan pemeriksaan *ultrasound* ini untuk melihat jantina bayi. Lazimnya, pemeriksaan *ultrasound* di awal kehamilan adalah dengan cara *transvaginal scan* iaitu dengan memasukkan *probe scan* ke dalam faraj pesakit untuk mendapat gambaran yang lebih jelas dan tepat. Pemeriksaan *ultrasound* juga akan dilakukan bila usia bayi sudah mencapai tempoh kelahiran untuk memastikan air ketuban dan saiz bayi adalah normal. Sekiranya air ketuban berkurangan dan pembesaran bayi tidak memuaskan, doktor akan menasihatkan ibu untuk bersalin.

Risiko keguguran 15 hingga 20 peratus untuk setiap kelahiran ada diterangkan di dalam buku ini. Keguguran boleh mendatangkan kesan psikologi yang buruk kepada pasangan yang menantikan kelahiran cahaya mata. Penulis menceritakan 60 peratus keguguran adalah disebabkan kecacatan pada kromosom yang berlaku semasa proses persenyawaan. Selebihnya keguguran ini boleh disebabkan oleh masalah perubatan ibu mengandung, kandungan kembar, jangkitan kuman, rahim yang tidak normal, pangkal rahim pendek, *autoimmnune system* yang tidak seimbang dan sebagainya. Ibu-ibu dinasihatkan mendapatkan rawatan awal doktor jika berlaku sebarang perubahan pada kandungan di awal waktu mengandung kerana dibimbingi merupakan tanda awal keguguran.

Peringkat awal penulisan buku ini adalah mengenai perihal wanita mengandung dan di bab penghujungnya pula penulis mengingatkan akan kepentingan untuk merancang setiap kehamilan dengan baik. Kehamilan yang tidak dirancang mampu mengundang pelbagai masalah baik dari segi risiko kesihatan, emosi dan juga masalah ekonomi. Begitu juga sekiranya anda ada masalah kesihatan yang kronik, anda dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan doktor sebelum mengandung. Kehamilan yang dirancang menghasilkan bayi yang sihat dan mengurangkan risiko semasa mengandung.

Selaku pengulas, saya amat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca terutamanya kepada pasangan suami isteri yang merancang untuk memiliki anak atau yang merancang untuk menambah bilangan anak lagi. Buku ini amat memberi manfaat kepada pasangan yang berkahwin. Penerangan yang sangat menarik diselitkan dengan susunan jalan cerita gelagat para doktor dan jururawat dalam merawat ibu mengandung berserta lukisan kartun yang mengambarkan keadaan sebenar, data-data terperinci yang cuba ditonjolkan oleh para penulis mampu menarik minat pembaca selain memberikan penjelasan yang mudah difahami oleh masyarakat awam. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan penting untuk dibaca oleh setiap pasangan suami isteri yang merancang untuk membina keluarga.

Pengulas


Norfaezah binti Mad Idris

Penolong Pengarah

Bahagian Pembangunan Modal Insan

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ALTUCHER, JAMES & CLAUDIA AZULA
The Power of No

Kuala Lumpur: PTS Publishing House, 2021.
ISBN 9789673695843

ULASAN

Buku ini mengandungi tujuh bab yang memberitahu tentang pendekatan baru dengan menggunakan perkataan “tidak” sebagai satu cara untuk menyelamatkan diri daripada kerisauan emosi dan juga berkata “ya” untuk membuka ruang perkara baik yang lain. Berdasarkan pengalaman hidup penulis, menggunakan kebijaksanaannya tampil dengan membawa pembaca untuk mengesklorasi pelbagai cara untuk mengubah hidup sekiranya berani mengikut hujah-hujah yang disampaikan. Dalam buku ini penulis menekankan dengan hebat sekali bahawa semua manusia dalam dunia ini mempunyai hak untuk berkata tidak walaupun kadangkala perasaan tidak selesa sering membenggu diri ketika ingin meluahkannya. Buku bertemakan motivasi ini akan membawa para pembaca untuk membaiki hidup ke arah yang lebih bahagia. Apa yang perlu ditambah dan apa yang perlu dibuang halangan dalam kehidupan. Penulis memberitahu halangan mungkin dalam bentuk fizikal, mental maupun kerohanian.

Bab pertama penulis menceritakan tentang berkata “tidak” kepada kehidupan. Perkara ini mungkin menyentuh sensitiviti pembaca dalam kehidupan di mana ada di kalangan kita yang mungkin berputus asa untuk meneruskan kehidupan kerana ingin membebaskan diri daripada masyarakat, institusi, cinta, keluarga, pihak atas dan cuba membina keyakinan diri tetapi tidak berjaya malah menganggap sebagai beban.

Tetapi penulis menceritakan bagaimana penulis bangkit untuk menyelamatkan kehidupan dengan mengatakan bersyukur mampu untuk mengubah kemiskinan menjadi kekayaan dan kemarahan menjadi kasih sayang.

Bab kedua penulis membawa kita menyelami bagaimana berkata “tidak” akan membawa kepada cinta sejati, potensi dan kelebihan diri. Dalam bab ini penulis menjelaskan bahawa memilih orang untuk dibenarkan masuk ke dalam kehidupan kita merupakan faktor yang paling penting bagi menentukan sama ada hidup kita sebagai seorang manusia bahagia ataupun tidak. Penulis juga mengatakan bahawa berkata “tidak” boleh menghalang kita daripada sabotaj diri. Penulis juga mengajak para pembaca untuk membuat latihan di dalam buku ini yang menjelaskan kepada pembaca tentang kepentingan melakukan latihan dalam kehidupan untuk mengaudit apa yang membelenggu emosi para pembaca.

Pergi kepada bab ketiga buku ini menceritakan tentang “tidak” untuk cerita bohong. Rata-rata pada zaman sekarang kejujuran adalah sesuatu yang amat sukar untuk kita perolehi malah kebohongan atau dusta meniti di bibir dengan sewenangnya. Disebabkan itu, penulis mengatakan bahawa kita ada hak untuk meminta perkara yang kita inginkan dan memilih cerita yang kita percaya untuk kesihatan mental. Buku ini menarik kerana penulis juga membincangkan banyak fakta psikologi yang mengatakan kita cenderung untuk mengikut cara kita berfikir tanpa mengubahnya kerana mahu kelihatan konsisten. Tetapi konsistensi kadang-kadang boleh menjadi beban yang mungkin menarik kita ke lembah yang gelap.

Bab keempat buku ini penulis menceritakan untuk berkata “tidak” untuk kemarahan kepada masa lalu. Sebagai manusia biasa, penulis berkata kita berhak untuk bersikap jujur khususnya terhadap diri sendiri dan menghormati waktu, ritma serta sifat kita. Antara isi menarik untuk diceritakan di sini ialah apabila penulis menceritakan tentang kisah ibunya yang telah membunuh diri lalu meninggalkan seribu satu persoalan dan juga emosi mengapa ibu penulis berbuat demikian. Di sini konsep “tidak” kepada kasih sayang boleh diguna pakai seterusnya membuatkan para pembaca akan berasa tertarik untuk meneruskan pembacaan melalui buku ini.

Bab kelima buku ini ialah “tidak” untuk kekurangan. Segala kekurangan yang kita ada sekarang ini mengikut penulis boleh diubah dengan berkata “tidak” kepada nasib buruk. Penulis mengatakan bahawa nasib baik adalah kunci kebebasan. Namun, nasib baik bukanlah silap mata. Nasib baik bersamaan dengan diversifikasi ditambah dengan kegigihan dan usaha. Selain itu, penulis mencatatkan bahawa katakan “tidak” kepada kata-kata yang tidak perlu. Secara purata, manusia menuturkan sebanyak 2,500 patah perkataan sehari. Oleh itu, kita haruslah pandai dalam memilih jenis percakapan yang mana harus diberikan respon. Komunikasi sebenar tidak berlaku ketika mengungkapkan kata-kata, tetapi dalam keheningan antara kata-kata itu.

Bab keenam ialah “tidak” kepada kebisingan. Kebisingan yang dimaksudkan penulis dalam buku ini ialah statik atau kebisingan negatif di sekeliling seperti berita yang menakutkan, gosip, orang yang meremehkan orang lain, fikiran negatif, ketakutan tentang masa depan dan juga fikiran marah.


Bab terakhir buku ini memaparkan berkata “tidak” untuk saya. Bab ini penulis membincangkan tentang kita sebagai pemilik diri haruslah pasrah yang membawa maksud, makan dan tidur dengan baik, menjaga tubuh dengan baik dan berkata “tidak” untuk segala negativiti disekelilingnya.

Selaku pengulas buku ini saya mencadangkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur terutamanya mereka yang memerlukan bimbingan tambahan dan juga mereka yang tercari-cari apa yang diperlukan dalam kehidupan yang sementara ini. Penerangan dan penceritaan yang baik berdasarkan pengalaman penulis sendiri sememangnya membuatkan pembaca berasa lebih dekat dengan setiap tips atau penceritaan yang diceritakan. Kesimpulannya, buku ini berguna untuk individu yang mengambil berat tentang kesihatan mental mereka dan juga keluarga serta rakan-rakan disekelilingnya.

Pengulas

Nurfatin Athirah binti Rahmat
Penolong Pengarah
Unit Rujukan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Siri Khazanah Malaysia : Warisan Lembah Bujang Tamadun Terbilang
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
2021.
ISBN 9789834929831

ULASAN

Buku ini mengandungi sebelas (11) bab yang secara khususnya membincangkan tentang sejarah ketamadunan Lembah Bujang dalam lipatan kegemilangan kerajaan Kedah Tua. Perbincangan berdasarkan bukti arkeologi sehinggalah kepada fenomena kontemporari masyarakat setempat. Buku ini dipecahkan kepada dua bahagian utama yang menyusurgalurkan beberapa wacana khazanah warisan semula jadi Lembah Bujang serta warisan kesenian dan persejarahan di Lembah Bujang.

Dalam bab satu (1) yang bertajuk "*Pengetahuan dan Khasiat Tumbuhan Semula Jadi Utama dalam Kalangan Kaum Wanita di Mukim Bujang*", penulis mengupas amalan penggunaan tumbuhan semula jadi yang biasa digunakan dalam perubatan tradisional masyarakat setempat. Tinjauan yang dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif terhadap kaum wanita di Mukim Bujang bertujuan mengetahui tentang amalan pemakanan mereka yang diwarisi turun-temurun.

"*Kepentingan Daun Tumbuhan Semula Jadi sebagai Warisan Budaya dalam Perubatan Herba*" ialah tajuk bab kedua yang merupakan pemerhatian terhadap kepentingan tumbuhan herba dalam persekitaran Lembah Bujang

sebagai satu khazanah atau warisan budaya yang wajar dipelihara dan dipertahankan. Pelbagai jenis daun tumbuhan semula jadi yang ditemui di Lembah Bujang menyumbang kepada aspek perubatan tradisional setempat, berupaya menjana ekonomi penduduk setempat dan berfungsi sebagai ejen pengembangan kaedah perubatan herba secara tradisional.

Keistimewaan Sungai Merbok dari sudut pelancongan warisan dikupas dalam bab tiga (3) yang bertajuk “*Sungai Merbok dari Perspektif Pelancongan Warisan*”. Kesemua warisan kegemilangan dan kemegahan Sungai Merbok boleh diterokai dan ditonjolkan kelebihannya untuk pengetahuan masyarakat umum bagi memartabatkan kawasan persekitaran Lembah Bujang sebagai kawasan pelancongan yang menarik dan boleh dikunjungi.

Bab empat (4) bertajuk “*Keingintahuan dan Pembelajaran Warisan Melalui Muzium*” menjelaskan tinjauan awal tentang sejauh mana tempat-tempat lawatan yang bernilai sejarah dan warisan dihargai oleh para pengunjung. Di muzium, pelawat boleh mengkaji, menilai dan menghayati artifik prasejarah, kebudayaan, kesenian, sains dan teknologi yang dipamerkan di dalam muzium. Usaha-usaha bagi mewujudkan kecintaan kepada warisan melalui pembelajaran, melalui artifik dan bahan-bahan yang dipamerkan di muzium perlu dipergiatkan lagi bagi mewujudkan perasaan ingin tahu tentang peristiwa atau sejarah lampau.

Kesenian merupakan cabang budaya yang penting kerana menggambarkan cara hidup masyarakat sesuatu tempat. Bab 5 yang bertajuk “*Seni Silat: Warisan Tradisi di Kampung Bujang*” cuba meninjau usaha memastikan kelangsungan tradisi silat sebagai seni mempertahankan diri dalam kalangan penduduk Kampung Bujang. Antara jenis silat yang masih diamalkan termasuklah Silat Warisan Pusaka dan Silat Minangkabau Titi Sebatang (kedua-duanya di Kampung Bujang), Silat Singa Berantai dan Silat Gayung (di Kampung Sungai Baru). Silat juga dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat, mengawal anak-anak muda daripada terbabit dalam aktiviti yang tidak berfaedah dan berjaya menyuntik semangat cinta akan tradisi Melayu dan menjadi wahana perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat.

Bab enam (6) bertajuk “*Qasidah Burdah, Khazanah Kesenian Islam di Kampung Hilir, Lembah Bujang*”. Pengertian burdah merujuk sejenis kesenian tradisi Islam yang telah diamalkan berkurun lamanya dan masih dikenali sehingga kini dipersembahkan berpandukan khazanah bertulis yang dikenali sebagai Qasidah Burdah.

Bab tujuh (7) bertajuk “*Fungsi dan Kesan Masjid Lama Pengkalan Kakap di Lembah Bujang*” memfokuskan asal usul, fungsi dan kesan masjid lama Pengkalan Kakap yang terletak di Lembah Bujang. Manakala bab 8 yang bertajuk “*Sungai Batu Purba sebagai Sumber Warisan Alam di Merbok, Kedah*”. Fokus perbincangan bab ini adalah pada isu ketamadunan awal Lembah Bujang mencari punca lenyapnya ketamadunan ini dan usaha untuk mengangkat sungai purba sebagai khazanah warisan komuniti tempatan.

Bab seterusnya ialah bab sembilan (9) yang membincangkan perihal “*Sumber Air dan Ketamadunan Sungai Baru di Lembah Merbok, Kedah*”. Terdapat tiga sumber air tawar yang menyokong perkembangan tamadun Sungai Batu purba iaitu sumber air sungai, air bumi dan air hujan. Aliran air tawar dari 11 anak Sungai Merbok, bekalan air perigi yang mudah diperoleh dengan menggali tanah sedalam kurang satu meter dan curahan hujan yang boleh membekalkan secara purata 298 liter/hari merupakan sumber yang membantu memakmurkan ketamadunan Sungai Batu.

Bab sepuluh (10) bertajuk “*Menjejaki Sejarah Kedah Tua Menerusi Penemuan Arkeologi di Tapak Sungai Batu, Lembah Bujang, Kedah*”. Bab ini menelusuri sejarah kegemilangan Kedah Tua sebagai pelabuhan entrepot yang terkenal di Asia Tenggara. Kelebihan Lembah Bujang sebagai pusat perdagangan dilihatkan pada muara-muara sungai seperti Sungai Bujang, Sungai Merbok dan Sungai Muda yang sesuai dilayari kapal dagang dalam laluan Timur ke Barat.


Seterusnya bab yang terakhir ialah bab sebelas (11) yang membincangkan rumah Melayu tradisional yang terdapat di Pantai Barat Semenanjung yang terdiri daripada dua jenis rumah bumbung panjang yang dikenali sebagai rumah Kedah dan rumah Bumbung Perak. Bab ini juga membincangkan seni reka rumah Melayu yang unik terdiri daripada seni bina utama dan khusus seperti bumbung, tiang, lantai, ruang rumah, rumah ibu dan bahagian binaan seni halus. Langkah-langkah proaktif yang patut dihasilkan oleh pihak komuniti atau kerajaan tempatan bagi mewujudkan hab sehenti yang dilengkapi seni bina rumah Melayu tradisional di Lembah Bujang perlu dititikberatkan.

Buku ini banyak memberi manfaat kepada semua pembaca terutamanya peminat sejarah dan budaya negeri Kedah. Penerangan yang jelas berserta grafik, gambar sejarah, data-data terperinci yang terdapat dalam buku ini amat menarik dan mudah difahami oleh pembaca. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan penting untuk dibaca bagi individu yang menghargai warisan berharga dan berusia ratusan ribu tahun yang tersimpan dalam gedung perbendaharaan sejarah dan arkeologi. Semoga warisan kegemilangan Kedah akan terus diterokai dan menjadi sumber rujukan kepada pencinta sejarah dan kebudayaan negeri Kedah Darul Aman.

Pengulas

Shuryananita binti Samsudin
Penolong Pengarah
Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ROZAINI ZAKARIA
Keseronokan Mengurus Masalah
Sungai Petani, Kedah : Maahad Khalifah An Nur,
2020.
ISBN 9789671837702

ULASAN

Buku ini mengandungi lima bahagian di mana pada permulaan, penulis menyatakan bahawa pada zaman kini pelbagai masalah dan tekanan hidup dihadapi oleh hampir semua orang. Tambahan pula, di zaman yang penuh mencabar ini, manusia lebih mudah terdedah kepada pengaruh luar melalui teknologi media massa dan media sosial yang mampu merumitkan lagi permasalahan yang dihadapi. Selain itu, faktor kurangnya ilmu untuk menguruskan tekanan yang dihadapi dalam permasalahan menyebabkan manusia tidak dapat mengurus masalah dengan baik dan mengakibatkan tekanan berlaku kepada diri sendiri dan orang di sekeliling. Dalam buku ini, penulis memberi maklumat secara terperinci mengenai punca masalah, dan cara belajar mengawal kemarahan, kesedihan dan tekanan supaya apa juar masalah yang dihadapi dapat diurus dengan baik.

Bahagian pertama dalam buku ini penulis menerangkan maksud keseronokan mengurus masalah iaitu segala tekanan dalam fikiran dan hati dapat diselesaikan dengan cara mudah, cepat dan bahagia. Manusia perlu mengubah cara mengurus masalah dengan cara yang lebih baik dan berfikiran lebih positif.

Ini kerana masalah tidak boleh dihapuskan atau dibuang tetapi boleh diurus dengan baik dan teratur. Jika tahu cara menguruskan masalah dengan seronok, akan berlaku perubahan pada diri kita sendiri. Oleh itu, kita akan kelihatan lebih ceria, tenang dan bahagia walaupun sedang menghadapi masalah.

Bahagian kedua pula menyatakan kepentingan mempunyai perasaan seronok ketika mengurus masalah. Emosi yang negatif boleh mendatangkan kesan yang buruk terhadap tubuh badan manusia, di mana kesan jangka panjang termasuklah stress, kemurungan dan kebimbangan. Ketiga-tiga perkara ini boleh membawa kepada tekanan secara fizikal dan emosi terhadap manusia. Ia seterusnya akan menyebabkan komplikasi penyakit yang berpanjangan dan membawa penderitaan kepada manusia.

Pada bahagian ketiga pula, penulis menerangkan bagaimana masalah itu terjadi dan kesalahan mentafsir definisi tentang masalah atau ujian. Menurut penulis, masalah atau tekanan terjadi apabila berlakunya dua perkara, iaitu melalui kehendak dan apabila manusia terlalu fokus kepada sesuatu perkara. Lumrah manusia untuk sentiasa mempunyai kehendak sehingga menyebabkan kehendak tersebut tercipta menjadi suatu masalah. Selain itu, akibat terlalu fokus terhadap masalah yang dihadapi, boleh menyebabkan kesihatan kita merosot. Penulis menyatakan manusia meletakkan sesuatu perkara itu terlalu tinggi atau pengharapan yang tidak terjangkau oleh kemampuan diri sendiri, seterusnya menghasilkan kebimbangan dan kesedihan yang berpanjangan. Saya tertarik dengan ayat penulis yang menyatakan bahawa "Masalah bukan untuk ditangisi sebaliknya disyukuri barulah hidup menjadi tenang dan bahagia." Manusia tidak perlu terlalu fokus kepada benda-benda negatif, sebaliknya hendaklah berfikiran positif, tidak cepat buruk sangka, tidak cepat panik dan tidak mudah iri hati kepada orang lain.

Pada bahagian keempat buku ini, penulis berkongsi mengenai rahsia sebenar sebuah masalah atau ujian. Sesungguhnya, ujian yang manusia hadapi adalah sebagai tanda atau cara Allah SWT menunjukkan kasih sayang dan cintaNya kepada hamba-hamba pilihanNya. Manusia akan sentiasa diuji sejak

kita berumur satu hari hingga kita meningkat tua. Tahap ujian berbeza mengikut umur dan tahap kemampuan masing-masing. Penulis mengingatkan bahawa ujian adalah satu anugerah kerana di dalam setiap ujian atau masalah pasti akan ada pengajaran, pendidikan, bimbingan, peringatan serta pengampunan dosa daripada Allah SWT untuk hamba-hambaNya.

Untuk bahagian seterusnya, iaitu bahagian lima, penulis berkongsi teknik mengurus masalah dengan cara yang betul dan menyeronokkan. Antara teknik-teknik tersebut adalah *Neuro Logical Level* (NLL), *Drop to Down*, Teknik Kekuatan “Emosi”, Teknik “Kemahuan” dan “Fokus”, Teknik *Viper*, Terapi Kemaafan, dan Teknik Menyusun Atur Kembali Cara Berfikir.

Pada bahagian yang terakhir, penulis telah berkongsi berkenaan manfaat keseronokan mengurus masalah. Penulis menyatakan bahawa masalah sebenar datang daripada diri kita sendiri iaitu cara kita menilai dan mentafsir masalah tersebut. Pengalaman yang kita lalui sepanjang hidup akan mencerminkan cara kita berfikir, menganalisa dan menjadi pandangan (persepsi) kita mengurus sesuatu masalah atau ujian tersebut. Semua ujian yang dihadapi melatih kita untuk menjadi kuat, tabah, sabar dan cekal dalam hidup ini.

Keseluruhannya, buku ini sangat menarik untuk pembaca menambah ilmu tentang mengurus masalah dengan cara yang betul kerana sebagai manusia, kita tak akan dapat mengelak dari menghadapai pelbagai ujian dalam hidup ini. Buku ini membantu kita menggunakan teknik yang betul dalam menyelesaikan masalah. Semoga anda semua dapat mencapai kualiti hidup yang lebih baik dan cemerlang, insya-Allah.


Pengulas

Siti Aishah binti Kamarul Zaman

Penolong Pustakawan

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



YUSUF LIU BAOJUN
Menara Jam Malaysia : Mercu Tanda Bandar
Selangor: CM Diverse Sdn. Bhd., 2021.
ISBN 9789671638743

ULASAN

Buku ini mengandungi dua puluh (20) bab yang mencatatkan lebih dari 130 menara jam besar yang didirikan di pelbagai bandar kecil dan besar di 13 negeri di Malaysia. Kesemua menara jam ini, sama ada yang usang atau yang baru melambangkan sejarah dan persekitaran sendiri.

Selain menunjukkan waktu, setiap menara jam juga menyaksikan perjalanan sejarah Malaysia yang indah. Menara jam menggambarkan pengaruh mendalam dari sudut budaya kolonial awal, dan juga menyaksikan peristiwa sejarah, tokoh seni bina, seni bina yang berbeza dan latar belakang yang cukup menarik. Tentunya generasi masa depan kita akan dapat mempelajari sejarah dan budaya Malaysia yang kaya melalui menara jam yang dibina dalam jangka masa dan tempoh yang berbeza. Dalam industri pelancongan, penyelidikan sejarah dan ekonomi, ia sangat bernilai.

Buku ini turut mencatatkan pembinaan menara jam di seluruh Malaysia. Terdapat kira-kira 130 menara jam besar di 13 negeri dan 3 bandar. Tidak kira lama atau moden, setiap menara jam yang terletak di bandar bukan sekadar

menunjukkan masa sahaja, tetapi juga menyaksikan sejarah pembangunan negara. Menara jam bukan hanya menggambarkan pengaruh mendalam dari budaya kolonial awal dengan jelas, tetapi juga menggambarkan peristiwa sejarah pada masa itu, tokoh seni bina, kepelbagaiannya dalam seni bina dengan latar belakang yang berlainan. Ringkasnya, generasi akan datang dapat mempelajari tentang sejarah dan budaya Malaysia yang kaya melalui menara jam yang dibina dalam waktu yang berbeza. Ia juga merupakan pengetahuan terperinci mengenai negara Malaysia yang indah ini.

Secara umumnya sebelum kemerdekaan, pembinaan menara jam di Malaysia menggambarkan peristiwa bersejarah pada awal zaman penjajahan. Jadi, dapat disimpulkan ciri-ciri seni binanya adalah berkaitan dengan kepentingan masyarakat utama pada ketika itu. Selepas tamatnya pemerintahan penjajah, lebih daripada sepuluh menara loceng bebas dibina di pelbagai tempat bagi menyambut dan memperingati kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957.

Buku ini dapat mengimbaskan kembali sejarah Malaysia melalui menara jam. Turut memberi gambaran bagaimana nenek moyang dahulu dari pelbagai kaum yang menyumbang wang dan usaha tenaga mereka dalam membina menara jam sejak abad ke-19. Pembinaannya bukan hanya untuk memberitahu waktu tetapi juga untuk mengindahkan lagi persekitaran bandar-bandar di Malaysia.

Buku ini ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina. Tentunya kandungan buku ini sangat memberansangkan. Buku ini turut menggambarkan dan mencatat sejarah menara jam melalui penerangan, serta menghargai keindahan seni bina setiap menara jam. Di samping itu, dapat menjadikan setiap menara jam di Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan sebagai salah satu tempat fizikal untuk mengkaji sejarah tempatan. Nilai-nilai tersebut dapat meningkatkan lagi pengetahuan sejarah dalam masyarakat, sekali gus mendorong pengembangan budaya dan pelancongan bandar.


Akhir kata saya mengesyorkan buku ini disenaraikan sebagai salah satu bahan bacaan dan rujukan bagi semua rakyat Malaysia yang ingin mengetahui

sejarah dan asal usul binaan menara jam yang ada di Malaysia. Buku ini sesuai oleh semua peringkat umur bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan menguasai sejarah Malaysia khususnya pembinaan menara-menara jam yang terdapat di Malaysia. Buku ini digarap dengan baik bagi memudahkan pembaca mendapatkan penjelasan dan penerangan dengan lebih teliti. Gambar-gambar berwarna menara jam yang disertakan di dalam buku ini turut menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan hingga ke muka surat akhir. Selain itu, penulis turut menyelitkan sejarah beberapa menara jam yang terkenal di seluruh dunia di bab terakhir iaitu bab 20. Kesimpulannya, buku ini sangat sesuai dan menarik untuk dirujuk dan dibaca terutamanya pada pengkaji dan pencinta sejarah Malaysia.

Pengulas

Siti Anisah binti Abdul Rahman
Penolong Pustakawan (S29)
Unit Integriti
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



USTAZ AHMAD DUSUKI ABD. RANI
Terhumban ke Kawah Neraka
Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2019.
ISBN: 9789830978192

ULASAN

Buku ini mengandungi sembilan (9) topik yang secara khususnya membicarakan akan hal ehwal akhirat. Penulis telah menyelitkan beberapa kepentingan dalam mendalami tentang hal ehwal akhirat. Harapan penulis agar ia menjadi satu cara untuk meneruskan dakwah baginda Nabi Muhammad SAW serta sebagai bekalan menuju-Nya.

Dalam topik pertama, penulis menerangkan dan memberi gambaran mengenai titian sirat merentasi neraka. Pembaca dapat mengetahui bagaimana cara untuk melintasi titian sirat dengan selamat. Penulis juga menerangkan mengenai nama pintu-pintu neraka dan gambaran bagi setiap pintu tersebut. Topik kedua pula mengenai kedahsyatan dan kengerian neraka. Penulis menyarankan agar semua orang sentiasa berdoa supaya dikurniakan syurga. Pembaca akan mengetahui sifat-sifat neraka yang akan diisi dengan manusia yang derhaka kepada Allah SWT, apa yang boleh menyelamatkannya daripada neraka dan bagaimana keadaan serta suasana neraka. Penulis juga menceritakan mengenai kedahsyatan neraka, paluan-paluan yang memukul penghuni neraka dan rantai-rantai yang membelenggu mereka. Penulis juga

menyarankan agar jangan berhenti berdoa agar dijauhkan oleh Allah SWT daripada azab-Nya itu.

Seterusnya penulis menerangkan mengenai keperitan neraka dan makanan di dalam neraka. Penulis menyarankan agar manusia melakukan ketaatan kepada Allah SWT dengan sebaik-baiknya dan belajar atau menuntut ilmu mengenai akhirat untuk kita terus memacu diri beramal kepada Allah SWT. Penulis juga menceritakan mengenai kesengsaraan bagi penghuni neraka. Untung nasib manusia adalah di akhirat kelak iaitu tatkala meniti Titian Sirat yang merentasi neraka Allah SWT. Amal pekerjaan kita semasa hidup ini menjadi pertaruhan semasa menyeberangi jambatan yang maha menakutkan itu. Penulis menjelaskan sesungguhnya apa yang selama ini cuba digambarkan mengenai kesengsaraan di dalam neraka, hakikatnya ia jauh lebih dahsyat daripada apa yang kita bayangkan.

Topik seterusnya adalah berkaitan makanan di neraka. Tidak akan terlintas di fikiran manusia adanya azab seksaan yang begitu rupa di neraka kelak. Antaranya adalah diberi minum air yang menggelegak, minum air peluh penghuni neraka, minuman berupa nanah yang pekat likat yang terbit dari tubuh orang kafir, minuman dari sengatan racun daripada seluruh binatang berbisa, nanah yang dicampur dengan darah dan kerak-kerak minyak yang hitam. Minuman yang bukan menghilangkan haus tetapi menambahkan azab sengsara dan keperitan.

Penulis juga menerangkan mengenai pakaian dan tempat tidur ahli neraka. Pakaian untuk ahli neraka adalah dicipta daripada api, daripada tembaga yang masih cair, pakaian berwarna hitam dan berbau busuk. Penulis juga menjelaskan mengenai empat (4) perangai jahiliah yang masih dilakukan umat iaitu berbangga-bangga dengan keturunan, suka melaknat keturunan-keturunan kamu, suka meminta hujan dengan bintang-bintang dan meratapi orang yang meninggal dunia.

Topik berikutnya berkaitan pertengkaran ahli neraka di hadapan Allah SWT kerana ketidakpuasan hati dengan hukuman yang telah dituliskan terhadap mereka. Secara asasnya, seseorang itu dimasukkan ke dalam neraka disebabkan dosa-dosanya. Topik terakhir yang dibincangkan oleh penulis ialah berkaitan hari-hari terakhir di neraka. Sementara masih hidup ini, manusia perlu bersiap sedia sepanjang masa dengan cita-cita mahu menuju ke syurga Allah SWT. Gunakanlah peluang di dunia yang masih berbaki ini untuk menangis kerana Allah SWT supaya tidak termasuk dalam golongan hamba-hambaNya yang terpaksa menangis di dalam neraka kelak.

Kesimpulannya, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur supaya semua bersiap sedia dengan kematian dan menjauhi daripada melakukan perkara yang boleh menyebabkan kita terhumban ke kawah neraka. Jangan berhenti berdoa memohon kebaikan di dunia dan akhirat serta tetapkanlah iman dan takwa hanya kepada Allah SWT. Penerangan yang jelas dan menarik dikongsikan oleh penulis mampu memberi kesedaran betapa azabnya seksaan di neraka.

Pengulas

Siti Diana binti Dahlan
Penolong Pengarah
Bahagian Pembinaan Koleksi
Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU



ASLINA SAAD, NOR HASBIAH
UBAIDULLAH, RAZANA
BAHARUDIN
**Penyelidikan Pembangunan
Sistem Maklumat**
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2021.
ISBN: 9789834930370

Penyelidikan yang baik adalah berasaskan paradigm teori dan model yang sedia ada, serta proses dan prosedur yang memenuhi prinsip saintifik. Sekiranya sesuatu kajian memenuhi semua ciri dan prinsip saintifik, tetapi tidak beretika, maka sudah tentunya penyelidikan demikian dianggap kurang baik. Penghasilan buku *Penyelidikan Pembangunan Sistem Maklumat* ini bertujuan membantu penyelidik dalam bidang pembangunan sistem maklumat, melaksanakan penyelidikan dengan lebih terancang, sistematik dan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta tidak melanggar kod etika menjalankan penyelidikan. Buku ini menerangkan prosedur bagi semua aktiviti yang terlibat semasa menjalankan penyelidikan dalam bidang pembangunan sistem maklumat dengan jelas dan tepat. Perbincangan yang komprehensif, jelas dan mudah difahami membuatkan buku ini sesuai untuk dijadikan panduan kepada semua penyelidik dalam bidang sistem maklumat. Buku ini sesuai dijadikan rujukan kepada pelajar di semua peringkat pengajian (ijazah doktor falsafah, sarjana, sarjana muda dan diploma), sama ada di institusi pendidikan awam maupun di institusi pendidikan swasta yang menjalankan kajian dalam bidang ini.

SINOPSIS BUKU



МОХАМЕД КАМЕЛ АБД
GHANI
**Kesan Amebisid Larutan
Disinfektan Kanta Sentuh
Terhadap Acanthamoeba**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672510826

Buku *Kesan Amebisid Larutan Disinfektan Kanta Sentuh Terhadap Acanthamoeba* ini dihasilkan daripada penyelidikan yang telah dijalankan terdahulu oleh penulis. Buku ini sesuai sebagai bacaan orang awam khasnya pengguna kanta sentuh, juga kepada mahasiswa yang mengambil bidang Sains Kesihatan, Sains Hayat, Perubatan dan Diploma Juruteknologi Perubatan. Ia boleh dijadikan sebagai bahan rujukan oleh para penyelidik yang mengkaji tentang parasit *Acanthamoeba*. Buku ini ditulis untuk memberi kefahaman mengenai *Acanthamoeba* sebagai salah satu agen penyakit mata (keratitis), ekologi, habitat, tanda dan gejala penyakit dan faktor risiko. Oleh kerana faktor risiko utama penyakit keratitis *Acanthamoeba* adalah penggunaan kanta sentuh, maka topik kanta sentuh dan disinfektan kanta sentuh dibincangkan secara lebih terperinci. Diharapkan para pembaca, khasnya pengguna kanta sentuh dapat manfaat dengan mengetahui jenis-jenis disinfektan kanta sentuh yang berada di pasaran dan mengetahui jenis mana yang berkesan terhadap *Acanthamoeba* bagi mengelak jangkitannya.


SINOPSIS BUKU



NORAZLIN IBRAHIM, MOHD MARZUKI MUSTAPHA, AINI HUSSAIN
Jenayah Ragut : Teknik Aliran Optik Dalam CCTV Pintar
Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672510673

Secara purata 1,915 kes ragut telah dilaporkan setiap tahun. Kes ragut ini semakin berleluasa dan mencetuskan kebimbangan masyarakat umum. Pihak kerajaan telah mengambil inisiatif dalam mengurangkan kebimbangan masyarakat terhadap kes ini. Di antara inisiatif yang telah diambil adalah pemasangan CCTV bagi setiap premis dan lokasi-lokasi berisiko tinggi. Namun begitu, CCTV sedia ada kurang berkesan kerana digunakan sebagai bahan siasatan pasca kejadian. CCTV yang lebih cekap diperlukan supaya kejadian jenayah ragut khususnya dapat dikenal pasti secara automatik, pantas dan cekap. Salah satu teknik pengesanan pergerakan objek yang biasa digunakan adalah aliran optik. Teknik Aliran Optik sesuai digunakan kerana keupayaannya mempamer corak pergerakan objek yang dapat membantu mengesan perubahan pergerakan mendadak yang boleh dikaitkan dengan aktiviti jenayah ragut. Setelah kerangka imej yang mengandungi perubahan objek secara mendadak ditentukan, kerangka tersebut dikelaskan menggunakan kecergasan buatan bagi menentukan sama ada pergerakan manusia itu adalah jenayah ragut atau tidak.

SINOPSIS BUKU




SITI SABARIAH BUHARI,
RUZITA ABD. TALIB, POH
BEE KOON

Obesiti Kanak-Kanak :
Bertindak Sebelum Terlambat
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia , 2020.
ISBN: 9789672511175

Pravalens obesiti dalam kalangan kanak-kanak telah meningkat secara mendadak di seluruh dunia. Masalah ini telah mengundang pelbagai akibat yang serius kepada kesihatan awam. Gaya hidup tidak aktif dan pengambilan makanan yang tinggi kalori serta rendah nilai pemakannya merupakan dua faktor utama menyumbang kepada peningkatan kadar obesiti dalam kalangan kanak-kanak khususnya di negara-negara sedang membangun. Pembentukan program intervensi yang berdasarkan teori sistematik dan berlandaskan bukti, menggunakan keseimbangan tenaga dan mengambil kira perubahan pendidikan sejajar dengan perubahan persekitaran melibatkan ibubapa, keluarga dan persekitaran rumah, mampu membawa perubahan positif untuk menangani masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak. Buku ini mengupas pelbagai isu berkaitan dengan obesiti kanak-kanak merangkumi faktor-faktor yang mempengaruhinya, keberkesanan strategi program intervensi yang memberi penekanan kepada keseimbangan tenaga serta peranan ibubapa untuk menangani masalah tersebut.


SINOPSIS BUKU



WAN ROSAZLI WAN RAZALI
Syair Duka Nestapa
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2021.
ISBN: 9789834929855

Buku ini merupakan hasil transliterasi 'Syair Duka Nestapa' yang ditulis sendiri oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, iaitu Sultan Kedah yang ke-22. Syair ini dikarang ketika baginda berada di Melaka kerana telah dibuang daripada takhta negeri kedah oleh Siam pada awal abad ke-19. Syair ini ditulis pada tahun 1842 setahun sebelum kemangkatan baginda pada tahun 1843 dan ditulis di Melaka. Syair ini mempunyai 450 rangkap yang melukiskan penderitaan dan untung nasib serta duka nestapa yang dialami oleh baginda sewaktu dalam buangan. Melalui rangkap syair yang terungkap, dapat dirasai emosi kesedihan yang dialami oleh baginda yang tidak mampu melakukan apa-apa bagi mendapat semula takhtanya setelah ditipu oleh Inggeris dan Siam. Penerbitan buku ini dapat menyumbang kepada dokumentasi bidang kesusasteraan tanah air, selain menjadi rujukan bukan hanya dalam bidang sastera, tetapi juga sejarah negeri Melayu zaman dahulu, khususnya sejarah negeri Kedah.


SINOPSIS BUKU



EDA YUHANA ARIFFIN, LEE YOOK HENG
Biosensor DNA : Teknologi Pengesan Pantas Organisma Patogen
Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672510116

Virus denggi dan bakteria Ecoli sangat berbahaya dan boleh membawa maut. Oleh itu kita perlu mengesan organisma patogen ini secara pantas dan mudah. Kaedah makmal yang digunakan sekarang adalah rumit dan mengambil masa yang panjang. Buku ini menyampaikan teknik baru untuk penentuan mikrob patogen secara mudah dan pantas serta mengupas mengenai beberapa jenis biosensor DNA yang dibina berasaskan zarah mikrosfera silika berongga. Jenis bahan silika ini memberikan beberapa kebaikan dalam mereka bentuk biosensor DNA untuk penentuan spesies mikrob patogen. Buku ini memperincikan tentang asas dan juga penghasilan dan perincian bahan silika berongga berbentuk sfera dan kegunaannya dalam biosensor DNA. Di samping itu, peranan penanda elektrik dan optik dalam penentuan penghibridan DNA untuk kegunaan biosensor DNA juga turut dibincangkan. Prestasi biosensor yang dihasilkan menggunakan bahan mikrosfera silika berongga dan penanda penghibridan (elektrokimia atau optik) juga ditunjukkan melalui kebolehan peranti ini dalam penentuan DNA mikrob patogen seperti Ecoli dan virus denggi.

SINOPSIS BUKU



BUDAH@UDAH MUHSIN,
JAWIAH DAKIR
Himpunan Hadith Masyhur
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2021.
ISBN: 9789834929633

Ramai umat Islam di Malaysia yang meriwayatkan hadis tanpa menyatakan sumbernya, bahkan tidak menyatakan kedudukan sesuatu hadis. Hal ini menjadi satu daripada penyebab tersebarnya hadis *mawdu'* (palsu) dengan meluas dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini seterusnya akan menimbulkan keraguan dan kekeliruan kepada masyarakat awam terhadap sesuatu hadis. Oleh itu, tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mensyaratkan penerbitan hadis agar dinyatakan sumbernya merupakan langkah yang baik. Hadis yang *sahih* akan menjadi pegangan, manakala hadis *mawdu'* (palsu) dan *da'if* hendaklah ditolak. Oleh yang demikian, penerbitan buku ini dapat memberikan panduan berkenaan 423 hadis masyhur yang tular dalam kalangan umat Islam yang belum ditentusahkan kesahihannya. Setiap hadis masyhur ini telah disemak oleh penulis dengan menggunakan kaedah *takhrij hadis*. Kaedah ini digunakan bagi memastikan kesahihan serta martabat sesebuah hadis dengan meneliti status perawi dan rantaian perawi hadis tersebut. Buku ini sesuai dimiliki oleh semua lapisan masyarakat terutamanya pelajar, pensyarah dan pengkaji dalam bidang hadis.

SINOPSIS BUKU



WAN ZAMRI WAN MUHAMAD
**Senaman dan Aktiviti Fizikal
Yang Selamat**
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2021.
ISBN: 9789834922511

Ramai dalam kalangan kita mengetahui kaedah senaman yang selamat dan sesuai bagi mengelakkan kecederaan. Melalui buku ini, penulis menghuraikan kepentingan melakukan senaman dan aktiviti fizikal yang selamat, punca-punca kecederaan semasa dan jenis-jenis kecederaan yang kerap berlaku semasa senaman. Kaedah dan panduan senaman yang selamat bagi pengamal-pengamal senaman juga dihuraikan yang merangkumi pengurusan tubuh badan, alatan, tempat aktiviti dan pemakanan. Sembilan golongan yang bermasalah dengan kesihatan juga diberi panduan dan kaedah yang selamat bagi melakukan senaman agar ia tidak mendatangkan kecederaan kepada badan dan sistem pengurusan badan. Selain itu, penulis juga menggariskan panduan bagi senaman untuk kanak-kanak, senaman untuk remaja dan senaman untuk orang dewasa. Buku ini juga menjelaskan postur badan yang sesuai dan betul bagi melakukan aktiviti fizikal, langkah-langkah pencegahan sakit badan dan sakit belakang. Postur badan selamat adalah untuk kehidupan yang selamat. Jadi, senaman bagi postur badan juga dijelaskan bagi mengurangkan kesakitan pada badan, memperbaiki postur badan dan mengekalkan sistem otot supaya berada dalam keadaan yang normal.


SINOPSIS BUKU



**Isu Sains Kemanusiaan :
Dalam Matlamat
Pembangunan Lestari**
Batu Pahat, Johor : Penerbit
UTHM, 2021.
ISBN: 9789672975793

Buku 'Isu Sains Kemanusiaan Dalam Matlamat Pembangunan Lestari' ini mengetengahkan fenomena isu kemanusiaan yang pelbagai mencakupi kajian Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Buku ini merupakan satu usaha untuk memberi makna dan tafsiran kepada pelbagai isu yang terdapat sebagai sebahagian daripada kesan proses matlamat pembangunan lestari yang sedang dialami negara dan masyarakat Malaysia. Sebenarnya, terdapat banyak isu elemen kemanusiaan yang telah muncul hasil proses revolusi dan pembangunan. Walau bagaimanapun, buku ini hanya memberi penekanan kepada tiga gugusan isu iaitu spiritual, ekologi dan manusia bertepatan dengan piramid Sustainable Development Goals (SDGs). Hal ini, supaya para pembaca umum dapat memperoleh maklumat dalam usaha memahami isu kemanusiaan dan hubungannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari di Malaysia. Adalah menjadi harapan editor bahawa perbincangan kandungan buku ini tidak terbatas kepada mereka yang terlibat secara lansung dalam bidang kajian tetapi dapat menarik minat mereka yang berhasrat mengetahui lebih mendalam cabaran kemanusiaan yang dihadapi oleh Malaysia.


SINOPSIS BUKU



MOHD JOHADI SAARI
Cilik Celik Jawi
Batu Caves, Selangor : Azmar
Prima Enterprise, 2022.
ISBN: 9789672196655

Buku ini diadaptasikan dengan dua kaedah iaitu kaedah nombor dan kaedah Iqra'. Kaedah membaca perkataan Jawi menggunakan nombor bagi setiap suku kata membimbing murid membaca Jawi dengan mudah. Nombor ini merujuk bilangan huruf yang perlu dibaca atau dibunyikan bagi setiap suku kata. Adaptasi kaedah Iqra' dalam bahan bacaan ini dilihat sangat berkesan bagi membimbing murid mempelajari bacaan Jawi. Sistem Iqra' yang diperkenalkan dalam buku *Iqra' Cara Cepat Membaca al-Quran* ditulis oleh Ustaz Haji As'ad Humam membimbing murid membaca al-Quran dengan sangat sistematik iaitu mengikut tahap perkembangan. Murid dipastikan benar-benar menguasai sesuatu kemahiran terlebih dahulu sebelum berpindah kepada kemahiran yang seterusnya melalui latih tubi bacaan kalimah-kalimah yang disediakan sambil dipantau oleh guru mereka. Melihat keberkesanan kaedah ini, penulis telah mengadaptasikannya ke dalam buku *Cilik Celik Jawi* ini supaya murid dapat menguasai bentuk-bentuk penulisan Jawi melalui bacaan perkataan, frasa dan ayat yang disediakan mengikut bab.

SINOPSIS BUKU



LIM KIM HUI
Perkembangan Bahasa Melayu di Korea Selatan
Kuala Lumpur : Dewan Pustaka, 2021.
ISBN: 9789834931711

Kedudukan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* yang penting di kepulauan Melayu tidak dapat disangkal lagi. Peranannya dari segi sosial, ekonomi, komunikasi, politik, dan identiti bangsa menjadikannya suatu bahasa yang harus dipertahankan. Pada masa yang sama, bahasa Melayu dan bahasa Indonesia turut dipelajari sebagai salah satu bahasa asing yang penting di banyak negara lain di luar kepulauan Melayu, misalnya China, Jepun, Jerman, Korea dan Rusia. *Perkembangan Bahasa Melayu di Korea Selatan* merupakan buku umum yang melihat perkembangan dan cabaran yang dihadapi oleh pengajian Melayu dan perkembangan bahasa Melayu untuk mengharungi persaingan akademik abad ke-21, di dunia umumnya dan Korea selatan khususnya, dengan perhatian diberikan dari aspek pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, terutamanya di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS) Kampus Seoul. Buku ini sesuai dibaca dan dimiliki oleh penyelidik, pelajar dan sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetahui senario umum perkembangan bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia di Korea Selatan.

SINOPSIS BUKU




Rumah Syurgaku : Penjagaan Warga Emas Jangka Masa panjang di Malaysia

Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022.
ISBN: 9789672515265

Kajian penjagaan warga emas jangka masa yang bersepadu dan mampan bertujuan untuk mendiagnostik jurang perkhidmatan formal dan tidak formal di Malaysia ke arah mencapai negara menua tahun 2030. Isu utama kajian ini ialah perkhidmatan penjagaan formal dan tidak formal sedia ada kurang koordinasi antara pelbagai agensi di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Liputan lokasi penyelidikan merangkumi Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan penandarasan antarabangsa lima (5) buah negara (Australia, United Kingdom, Sweden, Jepun dan Singapura). Kandungan buku ini merangkumi penawaran perkhidmatan sedia ada, permintaan perkhidmatan formal dan tidak formal penjagaan warga emas peringkat hospital, pusat jagaan, komuniti dan di rumah dalam dan luar negara sehingga membentuk cadangan model penjagaan warga emas di Malaysia. Buku ini juga menyediakan syor tadbir urus yang bersepadu, unjuran modal insan yang kompeten dan model pembiayaan penjagaan warga emas masa panjang yang bersepadu dan mampan di Malaysia.

SINOPSIS BUKU



MOHD TAJUDDIN ABDULLAH,
LES S. HALL, FAISAL ALI
ANWARALI KHAN, MOHD
ISHAM MOHD
**Photographic Guide to the
Bats of Malaysia**
Kuala Nerus, Terengganu :
Penerbit UMT, 2022.
ISBN: 9789672939887

All bats are crepuscular animals. They are important bio indicators, effective seed dispersers and pollinators for various plants, and vital in suppressing arthropods species, including those identified as pests and medical importance. Currently, there are 140 species of bats in Malaysia. They inhabit caves, forests, even man-made structures across the country from the extreme north of the Malay Peninsula to the smallest island off coast of Sabah and Sarawak. This book is a labour of love by groups of third generation biologists who made extensive geographical coverage to study bats in Malaysia. It is produced through a series of expeditions carried out in the lush Malaysian rainforests since the early 1990s. Pictures hold significant role in promoting awareness on this elusive, but highly diverse animal. Hence, this book integrates the most updated taxonomic information, distribution, and photographs of more than 90 species of bats that have been recorded by the authors throughout Peninsula Malaysia and Malaysian Borneo. This photographic guide will be useful for young biologists, nature lovers, and even public audience, who share similar interests in the enigmatic flying nocturnal mammals of Malaysia.


SINOPSIS BUKU



ZAINI UJANG, CHING THOO
A/L KIM, MD. NASIR MD. NOH,
RAZUL IKMAL RAMLI
**Air dan Pembentungan di
Malaysia : Sejarah serta
Perspektif**
Seri Kembangan, Selangor :
Institut Penyelidikan Air
Kebangsaan Malaysia
(NAHRIM), 2022.
ISBN: 9789670382470

Buku *Air dan Pembentungan di Malaysia : Sejarah serta Perspektif* ditulis dan diterbitkan untuk memperihalkan pelbagai perkembangan penting dalam bidang pengurusan dan prasarana sektor air serta pembentungan di Malaysia. Buku ini diusaha, dirangka dan ditulis oleh sekumpulan panel penulis dalam kalangan profesional dan ilmuwan dari pelbagai organisasi serta latar pengalaman berbeza. Ini antara lain bertujuan untuk memberi pengenalan yang menyeluruh serta seimbang kepada sektor air dan pembentungan. Dari segi cakupan, buku ini mengemukakan pendekatan sejarah, tadbir urus, perancangan serta kemudahan prasarana dan teknologi. Dari segi kandungan, buku ini menyediakan asas ilmu dan maklumat umum yang dikumpul dalam tempoh hampir setahun dari pelbagai sumber perpustakaan ilmiah. Ini melibatkan bahan yang pelbagai, baik fizikal dan digital, termasuk dokumen rasmi berkaitan dasar kerajaan, perjanjian, reka bentuk kejureteraan asal, memorandum dan nota komunikasi dalaman. Buku ini boleh dirujuk sebagai bahan asas untuk kajian lanjut berhubung sesuatu dasar, program, projek, kemudahan berkaitan sumber dan bekalan air serta pembentungan.


SINOPSIS BUKU



**Tadbir Urus Lautan :
Pendekatan Adaptasi
Kenaikan Aras Air Laut Pulau
Perhentian dan Pulau Redang**
Kuala Nerus, Terengganu :
Penerbit UMT, 2021.
ISBN: 9789672939870

Buku ini terhasil menerusi konsep silang-ilmu antara sosial sains dan sains dengan fokus utama perbincangan ialah tadbir urus lautan. Fokus utama buku ini ialah tahap kesiapsiagaan Malaysia dalam menghadapi fenomena kenaikan aras air laut dengan Pulau Perhentian dan Pulau Redang di Terengganu sebagai kajian kes. Pemilihan dua buah pulau yang berpenduduk di negeri Terengganu ini boleh dijadikan titik asas kepada penyelidikan yang lebih mendalam berkenaan impak kenaikan aras laut kepada kelestarian semula jadi dan daya tahan komuniti pulau. Buku ini menyalurkan saranan-saranan yang perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa dalam jangka pendek dan panjang ke arah mitigasi dan adaptasi dengan kenaikan aras laut. Buku ini menganalisis kesediaan mekanisme pengurusan dan prosedur-prosedur pengurusan serta dasar perlindungan taman laut sedia ada di Malaysia dalam menghadapi ancaman dan risiko kenaikan aras air laut. Mekanisme masa depan tadbir urus adaptasi perubahan aras laut di Pulau Perhentian dan Pulau Redang adalah penting sebagai asas dan berpotensi dijadikan penanda aras untuk tujuan pengurusan risiko taman-taman laut di Malaysia.


SINOPSIS BUKU



FAZILAH IDRIS, SYAIDATUN
NAZIRAH ABU ZAHRIN
Sahsiah Cemerlang
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2022.
ISBN: 9789834933197

Ibu bapa berperanan membesarkan anak menjadi orang yang bermoral dan bersahsiah mulia serta bermanfaat pada agama, bangsa dan negara. Selari dengan itu, Imam al-Ghazali menyatakan bahawa mendidik anak umpama menanam biji benih yang mesti dibajai, disirami dan dimanja dengan penuh kasih sayang agar membesar dengan subur dan mengeluarkan hasil. Manusia akan bahagia dengan mengamalkan tingkah laku yang baik dan mulia dalam kehidupan harian. Manusia juga boleh menderita dengan sebab tingkah laku yang buruk. Kupasan konsep amalan sahsiah cemerlang dari pelbagai perspektif akan dapat memberikan pengetahuan dan panduan kepada setiap individu bagi menangani masalah perpecahan dalam keluarga, keruntuhan akhlak dalam generasi muda, ketandusan kasih sayang dan cinta dalam pelbagai konteks termasuklah dalam rumah tangga, tempat kerja, komuniti, masyarakat dan negara. Oleh itu, penulisan buku ini menggarap kepentingan dan peranan sahsiah cemerlang terutamanya daripada sumber al-Quran dan hadis.


SINOPSIS BUKU



JOHN CHONG KUAN YEE
Songs in Between PINES : a Collections of Poems
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022.
ISBN: 9789834934071

Songs in Between PINES is a compilation of a decade of poems spanning various genres covering life themes, which are both personal and philosophical. Composed by a young author at the time of writing, these works chronicle the transition from a blithe teenage to a disinclined adulthood through the enchantments of poetry. Set amidst the expansive rise of digital revolution era, readers are reintroduced to the proverbial struggles of everyday life interspersed with brisk coming and going of living dreams and ideals against realism, which contentions over time, prove lasting. The poignancy of parting from precious moments and the beauty of enduring memoirs live on in the contents of these poems. It is wished that this book would serve as an articulation of art and a source of solace to readers.


SINOPSIS BUKU



SOHAIMI ABDUL AZIZ
Kumpulan Puisi Persaraan pada Musim Bunga
Pulau Pinang : Persatuan Karyawan Pulau Pinang, 2020.
ISBN: 9789834258337

Dari penulisan akademik, Prof. Dr. Sohaimi Abdul Aziz terjun ke dunia kepuisian. Isu-isu yang berkaitan dengan warisan, sejarah, media, integriti, menjual agama, patriotisme, rasuah, kleptokrasi, salah guna kuasa dan eksplorasi sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa telah menjadi penggerak yang bertenaga kepada beliau untuk berkarya. Puisi-puisi dalam buku ini membawa pembaca ke ruang mental dan emosi yang bergerak secara bersepada untuk berfikir tentang hal-hal yang telah dilupakan atau terlepas pandang tetapi penting kerana ia melibatkan kepentingan umum. Penulis memaparkan mesej-mesej yang berani, provokatif dan sesekali menyentuh rasa terhadap sikap masyarakat sama ada di pentas tempatan ataupun antarabangsa. Isu-isu global yang dibincangkan melalui perspektif baharu mencabar minda pembaca. Nada sinis dan kritis melalui gaya bahasa yang mudah dapat membuat kejutan kepada pembaca yang ingin memahami isu-isu kompleks secara lebih mudah dengan gaya penyampaian yang menarik sesuai dengan puisi sebagai genre seni yang diindahkan dengan gaya bahasa yang tertentu.


SINOPSIS BUKU



NAZEL HASHIM MOHAMAD
Pantun Pak Hazel : Berirama dengan Teka-Teki
Kangar, Perlis : Penerbit UniMAP, 2022.
ISBN: 9789672829294

Pantun Pak Hazel : Berirama dengan Teka-teki ini adalah karya pantun teka-teki sulung Pak Hazel. Kehadiran karya ini, menjadi suatu catatan sejarah peribadi buat diri beliau dalam penciptaan pantun. Tidak kira sama ada pantun atau pun teka-teki, ia tetap diklasifikasikan sebagai genre puisi Melayu tradisional. Mencipta kedua-dua genre puisi ini memerlukan bakat, ilmu dan kebijaksanaan yang tinggi. Dalam keadaan usia yang lanjut, semangat, kegigihan dan kemahuan yang ada pada diri Pak Hazel akhirnya berjaya melahirkan karya sulung pantun teka-teki ini. Penulisan buku ini menjadikan keseluruhan karya pantun ciptaan Pak Hazel berjumlah 15 buah semuanya, pertambahan sebanyak 310 rangkap kepada 13,177 jumlah rangkap pantun kesemuanya. Sesungguhnya, angka-angka ini menjadi legasi buat Pak Hazel buat tatapan generasi muda untuk dihayati keindahan serta ilmunya sebagai pedoman hidup. Seperti kebiasaan, Pak Hazel turut menyediakan jawapan setiap teka-teki pada karya pantun teka-teki ini.

SINOPSIS BUKU



WAN AHMAD FAUZI WAN
HUSAIN
Mahaguru Rahman Sendo
Bandar Baru Bangi, Selangor :
Abad Sinergi Sdn Bhd, 2021.
ISBN: 9789675473517

Sebuah biografi mengisahkan riwayat hidup, falsafah dan perjuangan Allahyarham Dato' Mahaguru Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Mohd Hashim, pendita agung silat melayu abad ke-20. Biografi ini berasaskan kajian lapangan dan perpustakaan yang memerlukan pengarang menebul para responden dari Utara sehingga Selatan Semenanjung Tanah Melayu, termasuklah Singapura. Pengarang menemubual lebih 50 orang responden. Mereka adalah individu yang ada bersama Dato' Mahaguru Meor Abdul Rahman ketika kejadian berlaku. Peristiwa penting dan bersejarah dirakamkan di dalam buku ini. Pembaca dibawa untuk menghayati setiap peristiwa yang berlaku. Turut dihuraikan perjuangan Dato' Mahaguru Meor Abdul Rahman yang mencerminkan kegigihan seorang tokoh besar untuk melestarikan jati diri Melayu. Penglibatan beliau selaku Mahaguru Silat Seni Gayung dengan istana dan ahli politik diketengahkan dengan baik. Kewibawaan Dato' Mahaguru Meor Abdul Rahman terserlah apabila pada satu ketika majoriti ahli Jemaah Menteri Malaysia adalah murid Gayong. Perjuangan Dato' Mahaguru Meor Abdul Rahman perlu diraikan sebagai perjuangan bangsa Malaysia yang bercitra Melayu selaras dengan watan tanah air kita.


SINOPSIS BUKU



NOR AINI MUHAMMAD
Kumpulan Sajak : Mengutip Syahdu
Terengganu : Persatuan Sasterawan Terengganu, 2022.
ISBN: 9789839039429

Setiap aksara yang diungkap-jalin dalam kehalusan jiwa dan keindahan pengucapan rasa penyair melalui sajak-sajak dalam kumpulan ini sungguh mempersonakan. Sajak-sajak Nor Aini Muhammad dalam kumpulan ini berupaya memberi pemahaman dan mengundang pembacaan khalayak kerana membawa pelbagai isu dan persoalan tentang manusia dan kehidupan, daripada pelbagai pandangan dan ilmu pengetahuan mengenai kehidupan. Penghasilan setiap karya tersebut bukan sekadar daripada pandangan mata dan bisikan hati, sebaliknya tercipta daripada pengalaman dan pandangan hidup penyair sendiri tentang setiap subjek dan persoalan yang dikemukakan tersebut. Sebagai sebuah karya sastera, setiap subjek yang terungkap dalam sajak-sajak penyair Nor Aini Muhammad ini diharap berupaya menimbulkan keindahan sebagai sebuah karya seni dan berkesan menyampaikan mesej kepada khalayak pembaca sebagai sebuah karya sastera.

SINOPSIS BUKU




HANZ JAMALUDIN
Tahniah! Anda Bakal Ibu
Kuala Lumpur : Rimbunan Publishing House Sdn Bhd,
2022.

ISBN: 9789672458470

“Tahniah, anda hamil!” ungkapan keramat ini pastinya membuatkan hati bakal ibu dan bakal bapa berbunga-bunga. Perasaan mengujakan pasti mengiringi sepanjang masa menanti sebuah kelahiran. Persediaan demi persediaan perlu dilakukan oleh bakal ibu dan bakal bapa demi memastikan semuanya dalam keadaan selamat. Kita sering mendengar umum bercakap perihal rasa takut dan gelisah seringkali mendatangi bakal ibu tatkala melahirkan zuriat. Hal ini berlaku kerana dikatakan proses melahirkan amat menyakitkan. Maka, buku ini dikarang khusus untuk mereka yang akan melalui pengalaman itu buat kali pertama. Buku ini juga memuatkan pelbagai tip dan panduan pengurusan kehamilan, bersalin, dan berpantang kali pertama bagi bakal ibu. Ia merangkumi pengurusan emosi, diet, tubuh badan dan penampilan, gejala alahan, serta keperluan penting untuk bersalin. Perkongsian ini diolah dengan santai bagi membantu memudahkan pemahaman pembaca, sekali gus membimbing para bakal ibu dan bapa melalui momen ini sambil melakar memori indah.

SINOPSIS BUKU



HASFIZA HASSAN
Jodoh Dalam Talian
Meru, Selangor : Hamare
Publication, 2021.
ISBN: 9789672455622

Buku ini merupakan karya untuk mengajak diri wanita khususnya remaja mengetahui bahawa tanpa 'couple' pun, kita masih boleh usaha untuk kahwin dan hidup bahagia. Keyakinan yang teguh dan kuat perlu diletakkan kepada Allah agar segala perancangan hidup dapat dicapai mengikut cara yang disukai oleh Allah. "Jodoh Dalam Talian" adalah kisah benar seorang wanita yang mencari jodohnya sendiri. Dia bukanlah wanita yang menunggu jodoh melamar akan tetapi dia yang mencari dan melamar jodoh dengan cara yang paling unik. Buku ini juga memberi suntikan motivasi kepada mana-mana wanita yang diuji dengan jodoh. Elemen humor dalam buku ini diharapkan boleh menjadi penguat semangat untuk terus yakin dengan kuasa doa dan jodoh yang ditakdirkan Allah. Buku sesuai untuk dijadikan rujukan dalam mencari nilai sebenar cinta dalam isu jodoh dan seterusnya berusaha mencintai Allah, pemilik segala cinta yang agung.

SINOPSIS BUKU



PROF. DR. BASRI IBRAHIM
AL-AZHARI
1+1=27 : Fiqh Imam Maknum
Batu Caves, Selangor : PTS
Publishing House, 2022.
ISBN: 9789674817671

Buku ini menerangkan keajaiban matematik dalam solat berjemaah. Apabila $1+1$ bukannya menjadi 2, sebaliknya 27 kali ganda pahala terhasil. Seorang individu hanya memerlukan seorang sahaja maknum ataupun imam untuk mewujudkan solat berjemaah dan mendapat pahala jauh berganda berbanding solat bersendirian. Fiqh imam dan maknum adalah satu ilmu yang perlu difahami oleh umat Islam pada masa kini. Apabila dilihat dari segi hukum-hakam yang berkaitan, pada hakikatnya ia sesuatu yang tidak boleh dipandang remeh. Buku ini bukan sekadar membicara berkenaan fiqh solat, iaitu fiqh solat berjemaah, fiqh imam, dan fiqh maknum. Ia juga menjawab persoalan dan isu-isu yang menjadi tanda tanya masyarakat mengenai solat berjemaah menurut ulama daripada empat mazhab. Ia juga dilengkapkan dengan huraian yang mudah difahami. Begitu juga dengan isu fiqh maknum maufik dan masbuk berdasarkan pandangan ulama muktabar, terutama sekali mazhab As-Syafi'i.


SINOPSIS BUKU



DR. AINUL ARINA, DR. ANNA LIZA, JM ERMA SHARMILLA,
SN ROSNALIZAWATI
Buku Pink 3.0 : Cerita-Cerita Ibu Mengandung Lagi?
Cheras, Selangor : Penerbitan Kata Pilar (M) Sdn Bhd, 2022.
ISBN: 9789672014942

Kehamilan bukan semata-mata menjadi (bakal) ibu, bahkan ia hadir dengan pelbagai harapan, tugas dan tanggungjawab lain. Ia proses alami yang amat besar nilai manusia winya. Perjalanan dari mula hamil, kelahiran, seterusnya menyusu dan mendidik anak, sekalipun indah, tidak terlepas daripada ujian dan komplikasi. Meskipun sudah berkali-kali melalui proses kehamilan, pengalaman berikutnya tidak menjanjikan situasi yang sama. Adakalanya, ia tak terjangkau dek akal. Buku Pink 3.0 meneruskan siri cerita tentang kehamilan dan kelahiran, di samping menyampaikan maklumat dan nasihat kehamilan yang tepat, terus daripada petugas kesihatan dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi (O&G) yang bertauliah. Kita tidak mahu lagi masyarakat merujuk kepada maklumat yang mengelirukan. Ia dapat mengelakkan para ibu dan bapa menjadi mangsa pihak yang tidak bertanggungjawab, apakah lagi yang ingin mengambil kesempatan. Lantaran itu, naskhah ini lahir demi memperbetul dan memahamkan masyarakat awam tentang buku pink dan hal-hal yang berkaitan dengannya.

SINOPSIS BUKU




BASRI IBRAHIM
**Panduan Syarak Tentang
Poligami**

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2022.
ISBN: 9789834934446

Buku ini memberikan gambaran sebenar kepada masyarakat berkaitan dengan amalan poligami yang dianjurkan syarak. Tidak dinafikan berpoligami merupakan amalan yang disyariatkan oleh Allah S.W.T. Namun begitu, amalan tersebut hendaklah mengikut landasan yang betul dan menepati syariat supaya tidak menzalimi mana-mana pihak terlibat terutamanya isteri yang sedia ada, isteri baharu dan anak. Oleh itu, buku ini diharap dapat membimbing masyarakat untuk memahami amalan poligami serta menangkis tanggapan negatif mereka. Keharmonian institusi keluarga yang mengamalkan poligami akan dilihat sebagai satu syiar yang menyerlahkan keindahan Islam sebaliknya keberantakan institusi keluarga tersebut akan menjadi fitnah kepada syariat Islam. Penulisan buku ini berdasarkan al-Quran, hadith, pendapat ulama dan pengalaman penulis sendiri. Buku ini mengandungi perbincangan pembahagian giliran isteri dan pemberian nafkah. Panduan untuk pihak yang terlibat terutama suami, isteri sedia ada, isteri baharu dan orang luar boleh didapati dalam buku ini, di samping menjelaskan beberapa kekeliruan dan persoalan semasa berkaitan dengan poligami, proses, prosedur dan perundangan berkaitan dengan urusan poligami.

SINOPSIS BUKU




ZULFAQAR MAMAT, WAN ABDUL FATTAH WAN ISMAIL, LUKMAN ABD MUTTALIB, SYAHIRAH ABDUL SHUKOR

Tertib Wali dalam Perkahwinan : Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang
Nilai, Negeri Sembilan :
Penerbit USIM, 2022.
ISBN: 9789670001029

Keseluruhan buku ini membincangkan kedudukan wali dalam perkahwinan, hukum perwalian dalam sebuah perkahwinan, tertib wali menurut fuqaha dan tertib wali berdasarkan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Kes kahwin lari, akad nikah dua kali, kahwin paksa, perkahwinan tidak mendapat kebenaran bapa, bapa angkat sebagai wali dan ada juga kes pasangan berkahwin melangkaui wali yang sepatutnya adalah antara kes yang berkaitan bidang kuasa wali yang dipaparkan. Buku ini amat sesuai untuk dijadikan sebagai sumber rujukan yang penting kepada pengamal undang-undang syariah, ahli akademik dan pelajar undang-undang. Cara penyampaiannya yang mudah difahami menjadikannya sesuai dibaca dan dijadikan rujukan bagi meningkatkan kefahaman berkaitan hukum perwalian dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

SINOPSIS BUKU




SRIMURUGAN ALAGAN **Personal Insolvency Law in Malaysia**

Subang Jaya, Selangor :
Thomson Reuters Asia Sdn
Bhd, 2022.
ISBN: 9789672723240

Personal Insolvency Law in Malaysia is written based on the Insolvency Act 1967 (Act 360) as amended by the Bankruptcy (Amendment) Act 2017 (Act A1534). This book should serve as a guide to lawyers, students, judicial officers, officers of the Department of Insolvency and other persons concerned with insolvency proceedings. This book provides a comprehensive introduction to personal insolvency law and explains the eight acts of bankruptcy as laid down in the Insolvency Act 1967. It details the voluntary arrangements available in bankruptcy and provides discussions on bankruptcy notice and petition procedures. It elaborates on bankruptcy order as well as the disqualifications and disabilities of a bankrupt. The book also contains discussions on how the bankrupt may be discharged or a bankruptcy order annulled, and includes discussion on appeal and stay procedures against a bankruptcy order. Concise yet comprehensive, with discussions well supported by statutory and case authorities, this book provides a clear and organized account of the practice of personal insolvency law in Malaysia.

SINOPSIS BUKU



GHAZALI NGAH AZIA
Jam 2 Pagi
Kapar, Selangor : MZ Edu Publications, 2022.
ISBN: 9789670911717

Kumpulan cerpen kanak-kanak *Jam 2 Pagi* memuatkan 15 buah cerpen pelbagai tema yang sarat dengan nilai-nilai murni dan kemanusiaan. Pelbagai kisah penyiasatan yang menarik dengan gaya bahasa lincah dan kreatif terdapat dalam cerpen *Jam 2 Pagi*, *Banglo Berpuaka*, *Perangkap*, *Lelaki Berkaki Kayu*, dan *Peristiwa Waktu Maghrib*. Walaupun sesetengah peristiwa berlaku secara kebetulan ketika watak kanak-kanak melalui sesuatu tempat, namun sikap mereka yang proaktif mahu membantu dan bekerjasama dengan pihak bertanggungjawab seperti polis telah dapat menyelesaikan kes penculikan dan pecah rumah. Sikap baik hati, toleransi dan tolong menolong jelas terpancar dalam cerpen *Untukmu Kawan*, *Masih Rezekiku* dan *Siput Retak Seribu*. Watak pelbagai kaum juga menunjukkan perpaduan rakyat yang hidup dalam negara makmur dan harmoni, menjadi teras mendidik pembaca sasaran agar hidup bersatu padu tanpa ada sebarang prasangka. Nilai kesederhanaan, kejujuran dan keinsafan ditemukan dalam cerpen-cerpen selebihnya yang terbukti meninggalkan kesan mendalam tanpa disedari oleh pembaca.

SINOPSIS BUKU



AMIN HAZYQ
**Tip Mudah Berucap :
Membantu Anda untuk Yakin
Berucap di Khalayak**
Ampang, Selangor : Tiga Ros
Trading Sdn. Bhd. 2022.
ISBN: 9789670951669

Kebolehan berpidato lazimnya dikaitkan dengan golongan politik tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kerjaya lain seperti guru, pensyarah, ejen pemasaran dan sebagainya juga perlu mempunyai kebolehan ini. Kerja sehari-hari menuntut mereka berinteraksi dengan pelbagai pihak dan selalunya melibatkan lebih daripada seorang pendengar. Kegagalan untuk mempengaruhi pelanggan supaya membeli produk yang dipromosikan misalnya, akan menjaskan pendapatan dan karier mereka. Buku ini bertujuan untuk memberikan petunjuk tentang cara untuk menyedia dan menyampaikan ucapan, mengembangkan informasi yang ada, memikat pendengar untuk terus mendengar ucapan anda, menambah unsur-unsur lain dalam ucapan secara spontan dan sebagainya. Buku ini juga membincangkan pergerakan tubuh dan cara untuk menjadikan ucapan anda menarik dan akan terus diingati oleh setiap pendengar.